

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>We are not palm oil enemy, says French envoy</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
2.	<u>We're not the enemy of palm oil, says French envoy</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
3.	<u>We are not palm oil enemy, says French envoy</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Fuziah calls for Lynas' licence not to be renewed after Australia refuses to accept radioactive waste import</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
5.	<u>THE GOMEN JUST ASKED ALL CIVIL SERVANTS TO CUT PLASTIC USE. BUT HOW SPECIFICALLY?</u>	Cilisos.my	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Anggota Dewan Negara diminta libatkan diri dalam sesi perbincangan kementerian</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Bila isu pembuangan sisa industri haram di Butterworth akan selesai?</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Jangan ambil mudah isu alam sekitar</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Utara Semenanjung alami hujan lebat, angin kencang - Jabatan Meteorologi</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
10.	<u>APM Langkawi arah henti aktiviti pantai</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita



11.	<u>SAM gesa pantau perbuatan buang sisa, sampah di tepi jalan</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Perancis tak musuhi minyak sawit Malaysia : Duta</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 1
13.	<u>Imej baharu Sungai Klang</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 2
14.	<u>Apa kata Menteri</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 3
15.	<u>Inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 4

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16.	<u>'Bawa bekas makanan sendiri, bukan beg plastik'</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
17.	<u>Banjir, 51 penduduk dipindahkan</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Empat hilang bot dipukul ribut</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Empat awak-awak Thailand hilang selepas bot dilanda ribut</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
20.	<u>5 pemancing dikhuatiri lemas</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Lima dikhuatiri lemas bot karam</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
22.	<u>APMM lancar SAR lima pemancing bot karam</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Malacca TNB to refund overcharged</u>	The Sun Daily	Klik pada



	<u>customers</u>		tajuk berita
24.	<u>Bil elektrik tinggi: Lebihan caj dikredit semula - TNB / TNB bayar balik lebihan caj</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 5
25.	<u>Bil elektrik tinggi: Lebihan caj dikredit semula - TNB</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
26.	<u>TNB Melaka ambil perhatian aduan pengguna</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
27.	<u>SEB, Nottingham University sign research agreement</u>	Borneo Post	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Capitalising on technological innovation</u>	The Star	Rujuk lampiran 6
29.	<u>Pelajar Malaysia terima pengiktirafan tertinggi Pennsylvania State University</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7
30.	<u>Advocating STEM learning</u>	The Star	Rujuk lampiran 8

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
31.	<u>Teleskop Hubble rakam galaksi berusia 13.3 bilion tahun</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 9
32.	<u>Fast melting glacier exposes ancient lands</u>	The Star	Rujuk lampiran 10

LAMPIRAN 1 BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 8 TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

Perancis tak musuhi minyak sawit Malaysia: Duta

Kuala Lumpur: Kesatuan Eropah (EU) dan Perancis bukan musuh minyak sawit, sebaliknya kedua-dua pasaran itu akan terus terbuka menerima hasil tanaman berkenaan, terutama sekarang dengan dasar berwibawa kerajaan Pakatan Harapan dalam melindungi alam sekitar.

Duta Perancis ke Malaysia, Frederic Laplanche, berkata perkaitan antara minyak sawit dengan penebangan dan kemusnahan hutan sejak sekian lama telah menjejaskan imej minyak sawit tetapi keadaan telah berubah.

"Saya dapat lihat bahawa kerajaan Malaysia sedang menangani dengan positif isu alam sekitar dan defisit kepercayaan dalam kalangan pengguna Eropah. Ini menumpukan usahanya bagi dua objektif ini, yang saya fikir sangat baik dan penting.

"Satu pihak, anda ada persediaan untuk mempromosikan minyak sawit dan memperbaiki imejnya yang masih negatif dalam pandangan umum. Jadi kerajaan melancarkan kempen promosi Love MY Palm Oil (Sayangi Minyak Sawit Malaysia) bagi membantu membersihkan nama tanaman itu," katanya.

"Dan keduanya, pembangunan dasar untuk menggalakkan perlindungan alam sekitar, termasuk mengekalkan lebih 50 peratus hutan hujan tropika dengan pelbagai biodiversiti, mengehadkan jumlah bagi kawasan sawit di Malaysia pada 6.5 juta hektar (daripada 5.8 juta hektar pada 2018) dan tiada penanaman sawit di tanah gambut serta menambah baik kelestarian sememangnya penting untuk

mendapatkan kembali kepercayaan pengguna Eropah. Ini sesuatu yang kami boleh menyokong sepenuhnya," kata Laplanche.

Perkembangan lain yang menggalakkan ialah langkah Sabah mengguna pakai sepenuhnya pensijilan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan pada peringkat persekutuan, usaha bagi inisiatif pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO).

"Selain Kementerian Industri Utama, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim juga merangka dasar kukuh bagi pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan solar.

Kekang penebangan hutan

"Selain itu, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli membangunkan dasar untuk membendung penebangan hutan di kawasan yang terdegradasi. Jadi gabungan semua ini akan menjadikan dasar lebih kukuh dan berwibawa bagi alam sekitar," jelasnya.

Laplanche menegaskan bahawa tidak ada larangan minyak sawit memasuki EU, tetapi apa yang berlaku ialah Perancis dan EU secara keseluruhan beransur-ansur menarik balik insentif bagi minyak sawit untuk ditambah ke dalam campuran diesel.

"Alasan (penarikan balik insentif itu) kerana pengiraan yang dibuat menunjukkan terdapat masalah keseimbangan dan kesan karbon.

"Sudah tentunya saya perlu terangkan bahawa, walaupun tiada larangan, langkah-langkah ini kemungkinan akan membawa kepada pengurangan penggunaan minyak sawit sebagai biofuel di



Frederic Laplanche

Eropah, bergantung kepada harga bahan api fosil.

"Sememangnya, dengan menarik balik insentif fiskal itu, kes ekonomi bagi menambah minyak sawit ke dalam diesel akan luput kerana minyak sawit lebih mahal, berbanding bahan api fosil tradisional pada harga pasaran semasa.

"Namun, penting untuk memahaminya bahawa ia bukan larangan, dan kami hanya memperkatakan tentang menarik semula insentif, dan hanya bagi minyak sawit sebagai biofuel. Tidak ada sama sekali perubahan dalam dasar berkaitan minyak sawit digunakan bagi produk makanan dan bahan asas bagi industri oleokimia pada peringkat Perancis mahupun EU," katanya.

Beliau berkata, EU antara yang pertama memperkenalkan insentif bagi biofuel dan antara rantau terakhir di dunia yang masih memberikan insentif bagi minyak sawit dan biofuel.

"Kebanyakan negara lain sama ada tidak pernah memberikan insentif bagi minyak sawit untuk memasuki pasaran mereka sebagai biofuel ataupun telah menarik

balik sejak lama dahulu. Oleh itu, saya tidak mahu orang memikirkan bahawa EU musuh minyak sawit Malaysia. Ia tidak benar," katanya.

EU, katanya, sentiasa menyediakan pasaran yang besar bagi minyak sawit Malaysia, dan menjadi pelanggan kedua terbesar minyak sawit di dunia, di belakang India.

Tak ubah tarif import

Beliau juga berkata, EU tidak akan mengubah tarif import ke atas minyak sawit dan malahan, tarif bagi minyak sawit diimport ke kesatuan itu antara yang terendah di dunia.

Paris baru-baru ini mengeluarkan perangkaan baharu bagi perdagangan dua hala Perancis-Malaysia, yang menunjukkan peningkatan 11.4 peratus bagi eksport Malaysia ke Perancis tahun lalu dalam semua produk, mencecah lebih daripada RM11 bilion.

Dengan pertumbuhan lebih sederhana, eksport Perancis ke Malaysia pada 3.4 peratus, negara ini mencatatkan lebih perdagangan hampir RM2 bilion dengan Perancis, peningkatan 73 peratus berbanding 2017.

Sementara itu, Laplanche turut membangkitkan keperluan menjalin dialog lebih erat antara kerajaan Perancis dan Malaysia.

"Itulah yang kami usahakan pada masa ini, mewujudkan seberapa banyak dialog dengan kerajaan dan pengeluar minyak sawit.

"Malah, kami turut memutuskan untuk membawa Duta Alam Sekitar kami, Yann Wehring melawat Malaysia pada awal April (lalu). Beliau dibawa ke Sabah bagi meninjau

projek pemuliharaan, habitat hidupan liar serta ladang kelapa sawit untuk melihat sendiri apa yang sebenarnya berlaku di situ.

"Seterusnya kami kembali ke Kuala Lumpur untuk mengadakan sesi dengan jawatankuasa bersama kedua-dua kerajaan membabitkan kerjasama minyak sawit. Secara asasnya, pasaran di Perancis dan Eropah akan terus terbuka bagi minyak sawit Malaysia," katanya.

Ditanya sama ada EU akan kekal sebagai pembeli minyak sawit kedua terbesar dunia, beliau berkata, sebarang perubahan itu mengikut populasi dan pembangunan di negara lain.

"Kami mempunyai rakyat seramai 500 juta orang, manakala China ada kira-kira 1.4 bilion penduduk, India 1.3 bilion penduduk. Namun saya berani katakan bahawa Eropah, termasuk Perancis akan terus menjadi pelanggan penting minyak sawit," katanya.

Pada 2018, India membeli minyak sawit terbesar dunia, iaitu sebanyak 15 peratus dan diikuti EU (12 peratus), China (11 peratus), Pakistan (7.0 peratus), Filipina (4.0 peratus), Turki (4.0 peratus) dan Amerika Syarikat (3.0 peratus).

Laplanche turut menggesa agar Malaysia dan Perancis mewujudkan kerjasama dalam bidang alam sekitar dan pertanian.

Beliau berkata, sama seperti Malaysia, pertanian di Perancis juga berteraskan ladang milik keluarga dan negara itu boleh berkongsi pengalaman dari segi pembangunan pertanian organik dan penjenamaan tempatan yang khusus dalam konteks pertanian ladang kecil.

BERNAMA

LAMPIRAN 2

SINAR HARIAN (WAWANCARA): MUKA SURAT 20

TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

WAWANCARA

Imej baharu Sungai Klang

Projek SMG pacu Selangor menerusi ekonomi maritim

Sungai sering di salah guna apabila dijadikan tempat pembuangan sampah sehingga menjejaskan ekosistem dan memudaratkan manusia.

Sungai Klang tidak terkecuali menerima nasib itu dan pernah tersenarai sebagai kawasan tadahan air yang tercemar yang mempunyai Indeks Kualiti Air (IKA) kelas V (tercemar dan berbahaya).

Bermula dengan cadangan

permbersihan Sungai Klang, potensi sungai itu dikembangkan dengan projek Selangor Maritime Gateway (SMG) oleh kerajaan Selangor.

Apa itu SMG? Ia adalah pelan jangka masa panjang mengembalikan peranan utama Sungai Klang sebagai lokasi riadah dan memacu ekonomi negeri melalui ekonomi maritim.

Kerajaan Selangor melantik Landasan Lumayan Sdn Bhd,

sebuah anak syarikat Perbadanan Menteri Besar (MBI) menyelia sungai sepanjang 56 kilometer itu.

Ikuti wawancara wartawan Sinar Harian, NORA FIZA JAAFAR bersama Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreren Raja Othman yang berkongsi mengenai perkembangan projek tersebut.



Bagaimana perkembangan projek setakat ini?

RAJA SHAHREEN: Fasa pertama pembersihan Sungai Klang tidak mudah apabila sungai yang dinoda berpuluh tahun lamanya menghasilkan 50,000 tan sisa buangan dalam tempoh tiga tahun sejak 2016.

Semasa kerja pembersihan dilakukan segala macam sampah ditemukan termasuk rangka kereta, besi buruk, sisa binaan dan lain-lain.

Sehingga kini sebanyak RM10 juta dibelanjakan untuk kos pembersihan. Pembersihan ini kita teruskan selagi Sungai Klang itu 'hidup' daripada pembersihan mengeluarkan sisa buangan kepada pemantauan kualiti air.

Saya ingatkan tahap IKA yang berada di kelas IV atau V adalah *not bad* namun hakikatnya ia dianggap *worse*. Maka, kita sasarkan kualitinya ditingkatkan kepada IIIB (2B) iaitu selamat digunakan untuk rekreasi.

Apakah proses seterusnya?

RAJA SHAHREEN: Projek SMG ini luas dari Mid Valley sehingga Pelabuhan Klang. Ia juga melibatkan pulau berhampiran seperti Pulau Indah, Pulau Ketam dan Pulau Carey.

Panjang sungai ini merentasi empat pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu

Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang.

Apakah bentuk pembangunan dan potensinya? Ia masih terlalu awal untuk dibincangkan. Mungkin sepanjang Sungai Klang itu ditambah untuk kawasan baharu yang digazetkan sebagai tanah rizab bagi membolehkan pembangunan dilakukan di tepi sungai.

Banyak perkara yang perlu dilakukan selain pembersihan. Maka kita telah memanggil pelbagai pihak untuk mendapatkan cadangan dan pandangan mengambil kira pelbagai aspek dalam memastikan projek SMG ini mencapai objektifnya.

Sungai ini sudah disalah guna berpuluh tahun lamanya, banyak benda perlu dilakukan dan mencari kaedah supaya orang tidak buang sampah di sungai melalui saluran pembangunan pendidikan di peringkat sekolah, kerjasama dengan pelajar universiti dan sokongan daripada syarikat korporat.

Adakah masalah pencemaran masih berlaku di Sungai Klang?

RAJA SHAHREEN: Sebuah tapak pelupusan sampah yang pernah ditutup beroperasi semula. Tanah seluas 40 hektar terletak berhampiran Bandar Sultan

Sulaiman itu sedang dalam penelitian pemuliharaan menggunakan teknologi bersesuaian.

Bagi saya, tempat ini bahaya dan kita kena berusaha membersihkannya semula. Kita boleh lihat air busuk dan hitam meleleh masuk ke sungai. Tapak pelupusan ini mengandungi gas metana dan boleh meletup bila-bila masa.

Terdapat juga sisa kilang penyumbat kepada pencemaran sungai disebabkan lokasinya berhampiran, banyak aktiviti industri dapat dilihat sepanjang sungai itu.

Kawasan ini perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum memikirkan pembangunan di tanah itu yang mungkin sesuai untuk aktiviti pertanian atau projek perumahan atau mengekalkannya sebagai kawasan industri.

Penguatkuasaan perlu diperkemas dengan kekerapan operasi memantau pelepasan air ke sungai mengikut standard yang ditetapkan supaya sungai tidak tercemar dan airnya cantik.

Apakah projek ekonomi maritim yang sudah dalam perancangan?

RAJA SHAHREEN: Sasaran lima tahun awal adalah menumpukan perkara asas pembersihan, pembaikan dan pembangunan tertentu.

Pengkalan Batu antara kawasan potensi yang bakal dibangunkan sebagai lokasi tumpuan di Klang bertepatan dengan jolokan Klang sebagai Bandar Diraja.

Beberapa pembangunan akan dilakukan di kawasan ini termasuk taman riadah, lokasi makan dan sentral plaza yang bakal menghimpunkan pelbagai produk termasuk seni kraf dan mengangkat tradisi tempatan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut mencadangkan supaya kawasan paya bakau dikekalkan dan dipulihara untuk habitat hidupan liar dan tumpuan persinggahan burung hijrah.

Namun, kita kita perlu memikirkan kaedah penjagaan hutan bakau seluas 28 hektar itu dan menyelesaikan masalah kebersihannya apabila akarnya men-

jadi perangkap sampah.

Mampukah SMG direalisasikan seperti perancangan asal?

RAJA SHAHREEN: SMG mula menampakkan hasilnya dan berjaya menarik minat pelabur untuk terlibat sebagai penyumbang, membangunkan sektor ekonomi di sungai sepanjang 56 kilometer itu.

Memorandum persefahaman (MoU) antara MBI dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang ditandatangani baru-baru ini juga antara bukti SMG mendapat respon positif.

Kita sudah keluarkan *Expression of Interest* (EOI) dan banyak syarikat menunjukkan minat. Tidak semestinya satu syarikat akan mendapat keseluruhan kawasan dan ia akan dibahagikan kepada taman riadah, alam semula jadi dan perumahan.

Ia adalah sektor ekonomi berterusan dalam tempoh yang panjang. Pulau Carey sahaja seluas 1,200 ekar tidak termasuk kawasan-kawasan lain dan juga kawasan baharu yang bakal dibuka melalui cadangan penambakan.

Projek berada di landasan tepat dan berjalan mengikut jadual ditetapkan. Ia selari dengan hasrat kerajaan negeri memulihara Sungai Klang dan sebagai gerbang ekonomi maritim.

Mekanisme menjaga pembersihan diteruskan termasuk cadangan caj pembersihan ditanggung mengikut kawasan PBT masing-masing, untuk tanam sikap ambil berat dan peka dengan sampah kawasan masing-masing.

Pembersihan Sungai Klang turut mendapat perhatian sebuah syarikat Belanda yang setuju menyumbang bot automatik pembersihan sungai menggantikan sistem perangkap sampah yang dipraktikkan.

Jika lihat sejarah sungai, ia menjadi lokasi penempatan, aktiviti pengangkutan dan aktiviti ekonomi.

Kita mahu rumah yang dibangunkan menjadi kebanggaan dengan latar belakang sungai yang bersih bukannya dicemari bau busuk.



Projek SMG adalah pelan jangka panjang mengembalikan peranan Sungai Klang memacu ekonomi Selangor.

LAMPIRAN 3

SINAR HARIAN (SETAHUN PH BERKUASA): MUKA SURAT 27

TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

APA KATA MENTERI

SEAHUN HARAPAN BERKUASA

 <p>■ Kita akan terus berusaha memperkasa perkhidmatan dan keselamatan kesihatan, di samping menangani isu kebajikan dan beban kerja dihadapi kakitangan profesional perubahan."</p> <p>- Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad</p>	 <p>■ Kerajaan sememangnya sentiasa komited bagi memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat secara keseluruhannya."</p> <p>- Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar</p>	 <p>■ Saya rasa semua anggota Kabinet bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk menambah baik Kementerian dan juga melaksanakan dasar-dasar yang telah dirancang."</p> <p>- Menteri Industri Utama, Teresa Kok</p>	 <p>■ Kami mempunyai harapan. Dengan tiba-tiba, negara mendapat kerajaan baharu dan membawa bersama mandat baharu serta harapan baharu. Bagi saya secara peribadi, ia membantu saya untuk melihat keadaan yang sedang berlaku di Malaysia."</p> <p>- Menteri Kerja Raya, Baru Bian</p>
 <p>■ Pakatan Harapan sebagai kerajaan yang memerintah, bagi saya kita kena hasilkan satu polisi yang baik dan mantap yang tentunya boleh dirasai oleh rakyat."</p> <p>- Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.</p>	 <p>■ Saya harap dapat dilihat juga bahawa kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang kini berusia setahun telah melakukan pelbagai usaha termasuk berbincang mengenai isu-isu berkaitan rakyat."</p> <p>- Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun.</p>	 <p>■ Kerajaan perlu meninggalkan cara pemikiran lama dan mengamalkan sistem pentadbiran terbuka dengan mengambil kira pelbagai pihak, termasuk pembangkang."</p> <p>- Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook</p>	 <p>■ Kerajaan pimpinan PH komited terhadap kebebasan media kerana media merupakan suara kepada rakyat dan kerajaan perlu bersedia menerima kritikan untuk kita lakukan pembaharuan. Namun begitu, kebebasan yang diberi haruslah berbatas dan mengikut undang-undang."</p> <p>- Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo</p>
 <p>■ Perkara paling mustahak ialah kerajaan ambil pandangan anak muda secara serius. Kita tidak menganaktirikan pandangan mereka kerana kita perlu ingat dan bermuhasabah, bahawa anak mudalah yang telah mencetuskan gelombang politik dan buat pertama kalinya membawa kerajaan Pakatan Harapan untuk mentadbir."</p> <p>- Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman</p>	 <p>■ Semasa Kementerian ini dibubarkan pada tahun 2009, banyak perkara yang tidak diselaraskan dengan usahawan. Selepas diperkenalkan semula di bawah kerajaan PH, kita kini berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran selari dengan kehendak kerajaan."</p> <p>- Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof</p>	 <p>■ Rakyat mengharapkan sesuatu daripada kerajaan baharu ini di mana perubahan secara menyeluruh berlaku dalam negara. Usaha-usaha reformasi yang dijalankan dalam tempoh setahun sebenarnya membantu merealisasikan kehendak pelbagai pihak bersesuaian dengan tujuan utama mengapa PH diberi peluang."</p> <p>- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof</p>	 <p>■ PH ialah kerajaan yang bertanggungjawab kerana objektif utama bukan sahaja mencari pelaburan yang berkualiti semata-mata. Apa yang lebih penting ialah PH mahu rakyat menikmati manfaat langsung daripada pelaburan yang diterima hasil daripada perdagangan MITI ke luar negara."</p> <p>- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darell Leiking</p>
 <p>■ Prestasi sektor pelancongan negara di bawah kerajaan PH mencatatkan pertumbuhan positif dengan beberapa pencapaian terbaik di peringkat antarabangsa. Antaranya, Malaysia berjaya mengekalkan rekod sebagai antara 10 negara yang memiliki destinasi pelancongan terbaik dunia 2018."</p> <p>- Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamad bin Ketapi</p>	 <p>■ Usaha kerajaan PH untuk menangani isu masyarakat Orang Asli meliputi tujuh perkara utama adalah kerana kerajaan sedar bahawa Orang Asli perlu menikmati arus pembangunan seiring dengan kaum-kaum lain seperti yang dijanjikan dalam manifesto."</p> <p>- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator P. Waytha Moorthy</p>	 <p>■ Pada tahun ini selepas kerajaan Pakatan Harapan memerintah hampir setahun, kita telah ambil satu langkah besar untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak seperti posisi pada 1963. Ini adalah satu langkah besar diambil bagi mengembalikan pengiktirafan kedudukan asal Sabah dan Sarawak."</p> <p>- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Liew Vui Keong</p>	 <p>■ PH ambil serius isu pekerja. Dengan pindaan akta kelak, tiga pihak penting dalam sektor pembinaan iaitu pemilik, pereka bentuk dan kontraktor sesuatu projek pembinaan akan lebih bekerjasama memastikan setiap garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipatuhi sekaligus mengelakkan berlaku kemalangan di tempat kerja."</p> <p>- Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran</p>

LAMPIRAN 4 SINAR HARIAN (SETAHUN PH BERKUASA): MUKA SURAT 28 TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

SETAHUN PH HARAPAN BERKUASA

Inisiatif Kerajaan

2 November 2018, merupakan detik bersejarah bagi negara apabila Belanjawan 2019 julung kali dibentangkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Memetik ucapan pembukaan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, beliau meletakkan rakyat Malaysia telah melakar sejarah selepas 61 tahun dengan memilih Kerajaan baharu yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang paling berusia di dunia, malahan seorang negarawan yang paling disanjung di dunia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bertemakan "Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera", Belanjawan 2019 n menumpukan kepada 3 Fokus dengan 12 strategi utama bagi mengembalikan kedudukan ekonomi Malaysia sebagai Harimau Asia. Tiga fokus tersebut adalah:

Pertama: Melaksanakan Reformasi Institusi;
Kedua: Memastikan Kesejahteraan Rakyat; Dan
Ketiga: Memupuk Budaya Negara Keusahawanan.

Dalam pembentangan itu, kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif dan insentif kepada rakyat. Antaranya:

Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH) 2019 Dilaksanakan (menggantikan BRIM) untuk golongan B40

- RM1,000 untuk isi rumah pendapatan RM2,000 sebulan
- RM750 untuk isi rumah pendapatan RM2,001-RM3,000 sebulan
- RM500 untuk isi rumah pendapatan RM3,001-RM4,000 sebulan
- RM100 untuk kategori bujang
- KATEGORI BARU: RM140 setiap anak 18 tahun ke bawah terhad untuk 4 orang (tiada had umur untuk OKU)

Rebat Bil Elektrik RM40 Untuk bantu keluarga miskin & miskin tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih

INSENTIF KERAJAAN NEGERI PH

1. RM2,500 untuk Skim Mesra Usia Emas
2. Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas)
3. RM1,000 kail pertama masuk IPT
4. Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang
5. Skim Kesihatan Wanita
6. RM50,000 Skim Hijrah Selangor
7. Pusat Tuisyen Percuma
8. RM100 Skim Asuh Pintar
9. RM50 Skim Bantuan Tadika Selangor
10. Khidmat Bas Selangorku Percuma
11. Skim Rumah Selangorku
12. KISS: Perbezaan Untuk Ibu
13. Tabung Kumpulan Wang BIASiswa

Skim Perlindungan Nasional B40 (MYSALAM)


- Penyediaan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.6 juta individu B40 yang juga penerima BSH 2019.
- Bayaran diberi secara harian sehingga 14 hari dalam setahun dengan kadar RM700 atau RM50 sehari serta bayaran sehingga RM8,000.

i-Suri KWSP


RM40 sebulan diberikan untuk suri rumah, balu dan ibu tunggal di bawah eKasih yang mencarum RM5 setiap bulan.

P A K HARAPAN

LAMPIRAN 4 (SAMB.)
 SINAR HARIAN (SETAHUN PH BERKUASA): MUKA SURAT 29
 TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)



Pakatan Harapan



Subsidi Minyak Bersasar

- 30 sen seliter dan terhad sehingga 100 liter sebulan untuk kereta 1500cc ke bawah
- 30 sen seliter dan terhad sehingga 40 liter sebulan untuk motosikal 125cc ke bawah

Pas bulanan pengangkutan awam RapidKL

- RM100 bagi perjalanan tanpa had untuk perkhidmatan rel & bas RapidKL
- RM50 bagi perjalanan tanpa had untuk perkhidmatan bas RapidKL sahaja

Bantuan Awal Persekolahan (BAP)

RM100 untuk pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 bagi keluarga berpendapatan bawah RM3,000

Skim Peduli Kesihatan B40 (PEKA B40)

- Percuma untuk penerima BSH dan pasangannya
- Berumur 50 tahun dan ke atas
- Manfaat:
 - Saringan kesihatan
 - Bantuan alat perubatan
 - Insentif rawatan kanser
 - Insentif tambang pengangkutan

i-saraan KWSP

Inisiatif untuk membolehkan golongan orang yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap mempunyai simpanan apabila mencapai umur persaraan.

KEDUDUKAN KERUSI PARLIMEN MEI 2018

PKR 49
DAP 42
Bersatu 12
Amanah 10
Warisan 8

UMNO 55
PAS 18
MCA 1
MIC 2

Gabungan Parti Sarawak
PBB 13
PRS 3
PDP 1
SUPP 1

Lain-Lain

Star 1
UPKO 1
PBRIS 1
PBS 1

Bebas 3

KEDUDUKAN KERUSI PARLIMEN MEI 2019

PKR 50
DAP 41
Bersatu 26
Amanah 11
Warisan 9
UPKO 1

UMNO 38
PAS 18
MCA 1
MIC 1


Gabungan Parti Sarawak
PBB 13
PRS 2
PDP 2
SUPP 1

Lain-Lain

Star 1
PBRIS 1
PBS 1
PSB 1

Bebas 3

* PRK Sandakan 11 Mei ini



LAMPIRAN 5
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 17
TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

TNB bayar balik lebihan caj

MELAKA - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan mengkredit semula lebihan caj pengguna meter pintar di negeri ini ke dalam bil elektrik pengguna tersebut sekiranya semakan mendapati berlaku lebihan caj.

Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) TNB Negeri Melaka, Ahmad Rezahan Mohammad berkata, pihaknya akan membuat semakan segera terhadap aduan yang diterima.

“TNB ambil maklum berkaitan isu bil tinggi dan aduan lain yang dihadapi segelintir pengguna meter pintar TNB di beberapa tempat di Melaka seperti mana yang telah dilaporkan melalui media sosial.

“Tiada pemotongan bekalan

elektrik dibuat sementara aduan pengguna diperincikan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Isnin lalu, Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari dilaporkan berkata, kerajaan negeri memandang serius dakwaan kenaikan kadar bil elektrik tinggi ekoran penggunaan meter pintar TNB dan meminta agar syarikat itu memandang serius setiap aduan dan tidak melihatnya secara umum.

Ahmad Rezahan berkata, pengguna meter pintar yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi TNB di talian khidmat pelanggannya di 1300-88-5454 atau mengunjungi pejabat TNB berdekatan.

- Bernama

LAMPIRAN 6
THE STAR (HIGHER EDUCATION): MUKA SURAT 18
TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

Capitalising on technological innovation

THE emergence artificial intelligence (AI) is expected to drastically change our lives in the not too distant future.

Some terms that were once considered jargon such as robotics, big data, machine learning and Internet of Things will soon be part of our daily lives and redefine the way we work. This is a global phenomenon and the only way forward is to embrace and capitalise on it.

With this, Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC) has taken a step to embrace technological innovation through the establishment of its Integrated Innovation Hub (I² Hub), which was launched on August 1 last year.

The I² Hub will help TAR UC synergise the latest developments in technology towards enhancing the learning experience.

By integrating relevant expertise from different faculties within TAR UC, the I² Hub acts as a catalyst where creative innovations and groundbreaking applications are discovered, especially in its four areas of focus – Smart Campus for Education 4.0, Industry 4.0, Agriculture 4.0 and Corporate Social Responsibility.

Through the I² Hub, TAR UC students have the opportunity to work hand-in-hand with their lecturers in real-life industry and research projects, which expose them to the latest trends and developments taking place today.

Cashierbook is a project under I² Hub and involves the participation of TAR UC students. It is an app that uses social media

analytics and blockchain technology to enable fast and secure e-commerce transactions.

Its target users are end consumers and retailers, who can use the Cashierbook platform to carry out authentic online transactions through blockchain verification and use social media analytics to provide intelligent recommendations for a targeted and effective e-commerce experience.

TAR UC Bachelor of Computer Science (Hons) student Johnson Chin See How is part of the team managing the Cashierbook app, which went live in August last year.

“Although I have prior experience in developing apps through my coursework assignments, it is not the same as actually managing an app that has gone live on Android and iOS.


“People are using the app and there is a lot of expectation in ensuring the app is constantly functioning well. The demands are high but I believe my fellow team members and I are well guided by our lecturer Dr Tang Tiong Yew, who is the main lead for Cashierbook,” he explained.

■ Learn more about TAR UC's industry-relevant programmes at TAR UC's campuses nationwide in Kuala Lumpur, Penang, Perak, Johor, Pahang and Sabah.

Alternatively, visit the website at www.tarc.edu.my for more details.

Attractive TAR UC scholarships are also available on the basis of academic merit and sibling discount for qualified students.

LAMPIRAN 7
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 9
 TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)



MUHAMAD SAIFUL HAKIMI DAUD menerima anugerah Engineering Honor Marshal, College of Earth and Mineral Sciences, Pennsylvania State University, Amerika Syarikat pada Jumaat lalu. - GAMBAR/IHSAN JPA

Pelajar Malaysia terima pengiktirafan tertinggi Pennsylvania State University

PUTRAJAYA 8 Mei - Seorang pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerima pengiktirafan tertinggi dalam bidang kejuruteraan di Pennsylvania State University, Amerika Syarikat (AS).

JPA dalam satu kenyataan di sini hari ini memberitahu, Muhammad Saiful Hakimi Daud, 24, yang berasal dari Sungai Petani, Kedah, telah dianugerahkan Engineering Honor Marshal, College of Earth and Mineral Sciences di Pegula Ice Arena pada Jumaat lalu.

Jelasnya, Muhammad Saiful

Hakimi merupakan pelajar Malaysia pertama yang dipilih untuk menerima anugerah tersebut dengan keputusan penuh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0.

“Wakil universiti berkenaan memuji Muhammad Saiful Hakimi atas pencapaian akademiknya serta kemahiran kepemimpinan yang tinggi.

“Pelajar itu yang ditaja bermula Ogos 2015 hingga Julai tahun ini mengikuti pengajian jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Petroleum dan Gas Asli,” jelasnya.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Muhammad Saiful Hakimi menzahirkan rasa syukur di atas anugerah yang diterima daripada universiti berkenaan.

“Segala ilmu yang diperoleh di sini pastinya menyiapkan saya untuk menjadi seorang jurutera yang mampu menilai secara kritis sebarang keputusan kejuruteraan.

“Terima kasih kepada JPA yang menaja pengajian saya serta Pennsylvania State University di atas peluang yang diberikan,” katanya.



LAMPIRAN 8 THE STAR (HIGHER EDUCATION): MUKA SURAT 5 TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

Advocating STEM learning

"I RECOGNISE that Heriot-Watt University's philosophy of education is to ensure that all graduates are well prepared for the industry.

"Even with the onset of the Fourth Industrial Revolution, my degree prepares me with the knowledge to operate the latest designing software besides placing great emphasis on the basics of engineering," shared Christopher Sim Teck Ching, a third-year BEng Civil Engineering student at Heriot-Watt University Malaysia, who obtained a strong start with the university's Foundation in Science programme.

Foundation in Science programme director Assistant Prof Tsung Kheng Yew characterises the Fourth Industrial Revolution as an increasing pace of changing technology and its continuous merging with human lives.

He explained, "The advancements in robotics, artificial intelligence and biotechnology will undoubtedly change the way we live and work.

"For instance, bio-mechatronic body parts for the disabled, driverless vehicles and smart homes have huge potential to improve the standard of living of society.

"In contrast, robotics and 3D printing in manufacturing can boost economic growth but will inevitably cause traditional jobs like manufacturing to be taken over by technology, creating demand for new skills in our future workforce."

In preparation for this, youths need to be knowledgeable and competent in science, technology, engineering and mathematics (STEM) if they are to be relevant moving into the future.

Heriot-Watt University's Foundation in Science programme actively inculcates STEM skills through numerous teaching and learning activities.

These include mathematics, chemistry, physics and science skills along with crucial soft skills to help students build a strong foundation for their undergraduate studies and career in STEM.

The physics investigation design assignment in the final semester of the Foundation in Science programme is an exemplary case in point. In this assignment, students are given the opportunity to work as a group and the freedom to devise an investigation of their own. They get to prepare a proposal and present it to their peers.

They also learn to source for materials, conduct their investigation and report on their results.

All these activities improve skills and foster competency in areas such as research, teamwork, leadership, planning, coordination, organisation, communication and problem solving.

Furthermore, the students are able to develop their cognitive skills in the areas of knowledge, comprehension, application, analysis and evaluation.


Asst Prof Tsung concluded, "The Foundation in Science programme at Heriot-Watt University Malaysia is an excellent opportunity for our youths to develop their STEM skills.

"In doing so, our students are better prepared to succeed and shine amidst a challenging and competitive environment in the Fourth Industrial Revolution."


Full and 50% scholarships are available for all undergraduate programmes at the Malaysia campus under the Tan Sri Yeh Tiong Lay Global Scholarship, with the opportunity to apply to the UK campus after the first year at 50% of the tuition fees.

■ For more details on the scholarship, Foundation in Science programme as well as other programmes or scholarships offered, visit the campus in Putrajaya on its upcoming Scholarship Days on May 25 and 26, or during visitation hours from 9am to 5pm on Mondays to Fridays and 10am to 4pm on Saturdays.

Also, log on to www.hw.edu.my or call 03-8894 3888 or email hwum@hw.ac.uk



A former Foundation in Science student, Sim is now pursuing his degree in Civil Engineering at Heriot-Watt University Malaysia.



Where leaving home feels like coming home.

- One of the UK's top 30 universities
The Times & Sunday Times Good University Guide 2019
- Global Excellence scholarships of up to £5,000 per year of study
- 8th in the UK for student experience
National Student Survey 2018
- 1st in Scotland and top 10 in UK for graduate prospects
Complete University Guide 2019
- The Wall Street Journal, Lonely Planet and CNN have highlighted Dundee as one of the world's 'must visit' places



University of Dundee

Learn more at: dundee.ac.uk
#DiscoverDundee



Asst Prof Tsung is the programme director of the Foundation in Science programme and conducts physics lectures at Heriot-Watt University Malaysia in Putrajaya.

LAMPIRAN 9 KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 41 TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

Teleskop Hubble rakam galaksi berusia 13.3 bilion tahun

HOUSTON, Texas – Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA) bau-baru ini berkongsi satu imej mosaik luar biasa dan dihasilkan menggunakan hampir 7,500 gambar yang dirakamkan Teleskop Hubble sejak 16 tahun dahulu.

Selain gambar istimewa itu, NASA turut berkongsi satu rakaman video sampingan menunjukkan teleskop itu melakukan pengezuman termasuk imej 265,000 galaksi dengan ada antaranya yang berusia 13.3 bilion tahun.

Ketua kumpulan pengkaji NASA,

Dr. Garth Illingworth daripada Universiti California-Santa Cruz berkata: "Sekeping imej ini mengandungi sejarah penuh pertumbuhan dan perkembangan galaksi di angkasa, bermula daripada ia di peringkat 'bayi' sehinggalah 'dewasa.'"

"Tiada gambar yang mampu menandangi imej ini sehinggalah teleskop angkasa lepas masa depan dilancarkan," katanya baru-baru ini.

Teleskop Hubble merupakan alat paling penting bagi misi penerokaan angkasa lepas dan ia masih menggalas tugas itu sejak 29 tahun lalu. – Agensi



NASA/TELESKOP ANGKASA HUBBLE
GAMBAR yang dicerap Teleskop Hubble menunjukkan kedudukan salah satu galaksi yang jauh dari Bumi.



NASA/TELESKOP ANGKASA HUBBLE
IMEJ mosaik ini dihasilkan daripada 7,500 keping gambar galaksi yang dirakamkan Teleskop Hubble.

LAMPIRAN 10
THE STAR (SCIENCE): MUKA SURAT 8
TARIKH: 9 MEI 2019 (KHAMIS)

Fast melting glacier exposes ancient lands

By THERESA BRAINE

IT HAS been nearly 120,000 years since Earth was this warm, and 40,000 years since some ice-swathed Arctic lands have seen the sun.

This is one conclusion of a study published recently in the journal *Nature Communications*, in which researchers carbon-dated plants collected at the edges of 30 ice caps on Baffin Island, in the Canadian Inuit territory of Nunavut.

"The Arctic is currently warming two to three times faster than the rest of the globe, so naturally, glaciers and ice caps are going to react faster," said Simon Pendleton, lead author and a doctoral researcher at the Institute of Arctic and Alpine Research (Instaar), in a statement.

The study was conducted at the University of Colorado at Boulder, the United States, where Instaar is located, and in conjunction with the University of California at Irvine, as well as Purdue University, Indiana.

Baffin is the world's fifth-largest island, lying west of Greenland, which has also been shown to be melting precipitously. The population is predominantly Inuit.

"We travel to the retreating ice margins, sample newly exposed plants preserved on these ancient landscapes and carbon-date the plants to get a sense of when the ice last advanced over that location," Pendleton said in the statement.

"Because dead plants are efficiently removed from the landscape, the radiocarbon age of rooted plants define the last time summers were as warm, on average, as those of the past century."

Under this logic, researchers at CU Boulder and partners analysed 48 plant samples from numerous elevations and exposures and found that they had most likely been continuously covered by ice for 40 millennia.

Glaciers are a direct indicator of temperature, pointed out study senior author Gifford Miller, a geological sciences professor at CU Boulder. Purdue University's Nathaniel Lifton also contributed to the research, which was funded by the National Science Foundation.

"If summers warm, they immediately recede; if summers cool, they advance," Miller noted in the statement. "This makes them one of the most reliable proxies for changes in summer temperature."

Canada hosts about 30% of the glaciers in the world, according to Arctic Today, a news service. After Antarctica and Greenland, that country's glaciers are the biggest contributor to sea rise.

A recent survey of 1,773 glaciers across northern Ellesmere Island, also in Nunavut, found that upward of three-quarters of them had lost area from 1999 to 2015, with an overall 6% loss of total ice coverage, Arctic Today reported in July 2018. — New York Daily News/Tribune News Service



Baffin Island is the world's fifth-largest island, located west of Greenland. It is melting precipitously. — TNS